

22/10/1999

Sukan lasak ubah perspektif Kundasang

Shamsul Kamal Amarudin

APABILA disebut nama Kundasang, apa yang sering digambarkan ialah Gunung Kinabalu, cuaca dingin serta sayur-sayuran.

Ketiga-tiga imej itu sudah sebatih sehingga kawasan itu sering menjadi pilihan rakyat tempatan sebagai destinasi percutian di tanah tinggi.

Begitupun, tiga acara sukan lasak bertaraf dunia yang diadakan di daerah itu pada pertengahan bulan lalu, berjaya meneroka potensi baru yang ada pada Kundasang, iaitu sebagai gelanggang bagi kegiatan sukan lasak dan rekreasi.

Pada 18 hingga 19 September lalu, berlangsung Kejohanan Larian Gunung Sedunia Kali Ke-15 di Taman Kinabalu. Pada masa yang sama berlangsung kejohanan jemputan luncur udara di Kelab Golf Ranau.

Pada 25 dan 26 September lalu pula pertandingan Climbathon Antarabangsa Kinabalu untuk tahun ke-13, diadakan di Taman Kinabalu.

Walaupun Kejohanan Larian Gunung Sedunia dan pertandingan jemputan luncur udara yang dikenali sebagai 'Kinabalu Challenge 99' pertama kali diadakan di Kundasang, ia berjaya menarik minat atlet bertaraf dunia menyertainya.

Malah, Climbathon yang diadakan seminggu selepas kedua-dua kejohanan itu turut menerima tempas apabila menerima penyertaan 127 peserta luar negara, peningkatan 144 peratus berbanding 52 peserta asing tahun lalu.

Bagi Kejohanan Luncur Udara, selain pertama kali diadakan di negara ini, ia dijayakan atas ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri, bagi merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi tuan rumah pertandingan luncur udara dunia pada 2003.

Komen daripada pemegang kejuaraan luncur udara dunia yang menganggap gunung Kinabalu dan ruang udara sekitar Kundasang sebagai mencabar dan menarik, secara tidak langsung membuktikan pekan itu berkemampuan menarik penyertaan ramai peluncur udara profesional pada masa akan datang.

"Pendapat orang asing bahawa kawasan ini cantik dan banyak potensi, tetapi rakyat tempatan mungkin kerana sudah biasa, seolah-olah menganggapnya sebagai membosankan," kata Dr Mahathir ketika merasmikan Kejohanan Luncur Udara di Kelab Golf Ranau pada 18 September lalu.

Kata-kata Perdana Menteri itu seharusnya menjadi iktibar kepada rakyat negara ini supaya jangan hanya berbangga dengan keindahan dan kesuburan tanah air mereka saja, sebaliknya meneroka potensi yang ada untuk memperkenalkan lagi nama Malaysia di mata dunia.

Kehadiran atlet tersohor dalam bidang masing-masing sewaktu ketiga-tiga kejohanan itu berlangsung, secara tidak langsung menunjukkan pengiktirafan mereka kepada Kundasang dan Gunung Kinabalu, sebagai gelanggang berpotensi dan sesuai untuk kegiatan sukan lasak berkenaan.

Jelas, selepas kejayaan Kuala Lumpur menganjurkan Sukan Komanwel tahun lalu, Kundasang kini meneruskan tradisi membuktikan kemampuan negara dalam penganjuran sukan bertaraf dunia.

Bagaimanapun, adakah rakyat negara ini sekadar berbangga tanah air mendapat liputan di seluruh dunia melalui penganjuran kejohanan antarabangsa semata-mata?

Memetik kembali ucapan Perdana Menteri bulan lalu, jelas menunjukkan hasrat beliau yang ingin melihat penyertaan rakyat tempatan dalam acara sukan membabitkan penyertaan atlet luar negara.

"Hasrat kita supaya tidak semua acara sukan itu dikuasai orang asing tetapi ada rakyat Malaysia yang turut serta dan mencapai kemenangan,"

katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat negara ini sebenarnya mempunyai kebolehan setara dengan rakyat asing, tetapi sikap terlalu merendah diri menjadi punca mereka tidak mampu mengeksploitasi potensi diri dengan persekitaran masing-masing.

Jika diamati kepada keputusan ketiga-tiga pertandingan sukan lasak yang diadakan di Kundasang, Perdana Menteri mempunyai alasan kukuh untuk menyuarakan perkara berkenaan.

Dalam kejohanan Larian Gunung Sedunia Kali Ke-15, tidak ada peserta negara yang berjaya mendapat kedudukan dalam senarai 10 peserta terbaik. Begitu juga dengan acara Climbathon Antarabangsa Kinabalu bagi kategori lelaki, cuma dua rakyat tempatan yang berjaya menempatkan diri dalam kedudukan 10 pelari terbaik iaitu berada di kedudukan ketujuh dan ke-10.

Apabila Kejohanan Climbathon Antarabangsa Kinabalu dan Luncur Udara semakin mendapat perhatian peringkat antarabangsa, sudah tentu ia bakal menarik kehadiran lebih ramai peserta luar dan atlit bertaraf dunia.

(END)